

16 APR 2001

Mahathir-Hadi

UMNO KESAL HADI BERDEGIL ENGGAN TARIK BALIK AMANATNYA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno kesal dengan sikap timbalan presiden Pas Haji Abdul Hadi Awang yang masih berdegil dan tidak mahu menarik balik amanatnya yang dikenali sebagai "Amanat Haji Hadi".

Perdana Menteri berkata sikap sedemikian menunjukkan Hadi tidak menghormati keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang berpendapat amanatnya itu bertentangan dengan ajaran Islam.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini, Dr Mahathir berkata Umno akan mengkaji bentuk tindakan yang perlu diambil bagi memastikan keputusan Majlis Fatwa dihormati oleh seluruh rakyat di negara ini.

"Amanat Haji Hadi" adalah hasil petikan ucapan yang dibuat oleh Menteri Besar Terengganu itu di Banggol Peradong, Terengganu pada 1981 yang melabelkan anggota Umno sebagai kafir. Amanatnya itu dikatakan menjadi punca kepada perpecahan umat Islam terutamanya di Terengganu.

Majlis Raja-raja pada 22 Mac lepas memutuskan bahawa seseorang itu sudah diiktiraf sebagai Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam, dan dengan itu, tidak ada pihak yang berhak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang.

Mengenai pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan soal perpaduan Melayu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Kita masih ingin bertemu dengan mereka tetapi kita tidak boleh menerima sebarang syarat yang dikenakan sebelum ada pertemuan."

Katanya Umno juga kesal kerana Pas seolah-olah menganggap soal perpaduan Melayu sebagai satu perkara yang bertentangan dengan agama Islam, dengan menganggap orang Melayu yang keterlaluan semangat kebangsaannya sebagai "assabiyah".

"Kita amat kecewa kerana terdapat seolah-olah Pas menganggap perpaduan orang Melayu sebagai satu perkara yang bertentangan kononnya dengan agama Islam, kerana ini menunjukkan orang Melayu yang memihak kepada orang Melayu termasuk dalam golongan assabiyah iaitu orang yang keterlaluan kebangsaannya.

"Kita tak setuju dengan pendapat ini kerana kita berpendapat bahawa yang dituntut oleh kita ialah sesuatu yang diterima oleh semua kaum dan di negara kita ini kita perlu mempertahankan yang lemah supaya kita dapat menjadikan sebuah negara yang kedudukan kaum lebih seimbang.

"Kita beri penghormatan kepada sejarah negeri-negeri Melayu di mana orang Melayu dengan rela hati menerima kaum lain sebagai rakyat negara kita ini dengan syarat mereka mengiktiraf kedudukan orang Melayu dan kita mengiktiraf kedudukan mereka," katanya.

Umno sebelum ini memutuskan empat perkara dibincangkan dalam pertemuan dengan Pas itu iaitu berkenaan hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kedaulatan institusi Diraja, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

-- BERNAMA

MS ZS MAI